



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
**DATUK BANDAR**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### SEMPENA

MAJLIS MERAIKAN PENCAPAIAN ANUGERAH  
YANG DITERIMA OLEH MBSP BAGI TAHUN 2019

TARIKH / MASA / TEMPAT  
**5 DISEMBER 2019 (KHAMIS)**  
**3.00 PETANG**

**UPCYCLE PARK**  
**BANDAR PERDA**  
**BUKIT MERTA JAM**

**Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Puan Ir Hj Rosnani Binti Mahmod**  
Setiausaha Bandaraya  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Ketua–Ketua Jabatan dan Penolong Pengarah**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Pegawai-Pegawai Kanan**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berbahagia Datin Hajah Che Limah Binti Haji Ujang**  
Pengerusi PUSPANITA MBSP

**Encik Mohd Tahir bin Othman**  
Pengerusi ANULAE Seberang Perai

**Encik Mat Nasir bin Hassan**  
Naib Yang Dipertua PESUKA

**Encik Mohamad Nizam bin Md Shariff**  
Yang Dipertua PERMAI

**Puan Latifah binti Razali**  
Pengerusi KOSPEMA

**Rakan-Rakan Media**

**Warga Kerja MBSP**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**  
-----

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat petang dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmatnya, dapat kita berkumpul pada petang yang indah ini bersama-sama dengan Ahli-Ahli Majlis, Puan Setiausaha Bandaraya, wakil-wakil persatuan, Ketua-Ketua Jabatan, pegawai-pegawai kanan, kakitangan-kakitangan MBSP untuk meraikan pencapaian anugerah yang diterima oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai sepanjang tahun 2019.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dengan persiapan untuk menganjurkan majlis ini dan berasa amat gembira melihat suasana yang meriah di sini. Selain daripada meraikan pencapaian anugerah yang diterima oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai, majlis ini juga meraikan serta memberi penghargaan kepada warga kerja MBSP di semua peringkat atas sumbangan mereka dalam pencapaian anugerah-anugerah bagi MBSP sepanjang tahun 2019.

## **TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN**

Tahun 2019 merupakan tahun yang cukup bermakna bagi seluruh warga Majlis Bandaraya Seberang Perai kerana pada tanggal 16 September 2019, iaitu Hari Malaysia, Seberang Perai dinaik taraf menjadi bandar raya.

Saya merasa amat bangga kerana mempunyai warga kerja MBSP dan komuniti yang inklusif, responsif dan kreatif yang membolehkan Seberang Perai merangkul (12) anugerah sepanjang tahun 2019, pemegang enam (6) *Malaysia Book Of Records*, melaksanakan tujuh (7) persijilan pengurusan serentak mengikut standard ISO, mencapai kadar kitar semula 47.16% yang tertinggi di Malaysia. Andalah sebenarnya wira-wira yang mengharamkan Seberang Perai di persada kebangsaan dan antarabangsa.

## **TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN**

Majlis pada petang ini diadakan untuk meraikan pendukung-pendukung Anugerah yang diterima oleh MBSP sepanjang tahun 2019, penghargaan kepada Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta kerana

berjaya menjimatkan RM11 juta wang MBSP hasil usaha mereka melakukan penilaian semula 316,553 harta berkadar dan penghargaan kepada Jabatan Perbendaharaan MBSP kerana berjaya menyediakan *Seberang Perai Green Budget 2020* dan meraikan pemenang-pemenang persembahan yang mengharumkan nama MBSP. Majlis seperti ini adalah yang pertama diadakan dalam sejarah MBSP mahupun MPSP sebelum ini.

## **TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN**

Anda sedang berada di atas lapangan hijau *upcycle park* yang dibina di atas keringat dan titisan harapan wira orange untuk dipersembahkan kepada 25,000 penduduk setempat dan rakyat Seberang Perai bagi menikmati kualiti kehidupan yang lebih baik.

Anda sedang berada di pintu masuk *community park, one baby one tree*, taman yang dibina oleh pasangan MBSP yang baru mendapatkan cahaya mata, pendidikan menyayangi alam sekitar sejak di peringkat awal kelahiran dan menjadi kembar kepada bayi tersebut.

Anda juga sedang berada di koridor berbasikal ke tempat kerja untuk mengurangkan penghasilan karbon. Di sebelah Timur anda adalah *Tecoma Park* yang mengandungi 300 batang pokok yang bakal menjadi *wedding park* yang pertama, dihiasi bunga-bunga *Tecoma* yang berwarna-warni hasil sumbangan sektor swasta, Ahli-Ahli Majlis dan komuniti Seberang Perai. Di sebelah Barat terdapat Eko Koridor Seberang Perai yang pertama diwujudkan, menjadi lambang kerjasama MBSP dengan badan-badan antarabangsa merealisasikan Agenda Baru Perbandaran 2030, mengekang pemanasan global 1.5 °C.

Anda sedang berada di sisi *fish park, Sebrang Perai* cetusan inovasi pegawai-pegawai pengurusan dan profesional, lambang anjakan paradigma transformasi minda masyarakat madani. Anda semua adalah modal insan MBSP yang amat bernilai seperti pohon yang rimbun, berbunga, menghasilkan buah yang banyak, menjadi tempat berteduh di musim panas, enak mata memandangi, sumber ilham yang tak putus-putus, menjadi sedekah yang berpanjangan.

Pencapaian besar ini bukanlah kebetulan tetapi hasil daripada perancangan yang rapi diikuti dengan tindakan yang jitu kemudiannya mendapat restu Allah SWT, Tuhan yang Maha Esa. Kita berjaya kerana kita senada, berwawasan, mempunyai Hala Tuju Strategik yang jelas dan

mempunyai perancangan dan yang lebih penting adalah sokongan, keikhlasan, muafakat dan doa semua kakitangan, wira oren, pemimpin dan rakyat. Justeru itu marilah kita teruskan momentum ini, tidak boleh ditangguh atau dilengahkan, memandangkan kita mempunyai visi yang lebih besar untuk dicapai iaitu untuk menjadikan Seberang Perai sebuah Bandar Raya Rendah Karbon (*Low Carbon City*) dan Bandar Raya Pintar (*Smart City*) menjelang tahun 2022, Bandar *neutral carbon* pada tahun 2030 dan Bandar *zero carbon* pada tahun 2050.

## **TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN**

Anugerah-anugerah dan pengiktirafan-pengiktirafan yang telah dicapai oleh MBSP pada tahun 2019 adalah:-

- I. MBSP telah mencapai keputusan yang cemerlang dalam Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) Tahun 2018 dan dianugerahkan pencapaian Lima (5) Bintang oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).
  
- II. Mendapat Anugerah Emas dalam Konvensyen *Team Excellence* Wilayah Sarawak Dan Sabah (RTE<sub>x</sub>) Tahun 2019 yang diadakan

di Miri Sarawak pada 24 Julai 2019 hingga 25 Julai 2019. MBSP juga diberikan pengiktirafan Industri 4.0 dalam Konvensyen berkenaan.

- III. MBSP menerima *JCI Malaysia Sustainable Development Award 2019* pada 22 September 2019 di The G Hotel Gurney, Pulau Pinang.
- IV. Menjadi Johan Persembahan Berkumpulan dan Naib Johan Persembahan Tiru Gaya Artis Dalam Majlis Jasamu Dikenang Anjuran Puspanita Negeri Pulau Pinang pada 18 Oktober 2019 di Olive Tree Hotel, Pulau Pinang.
- V. Pengiktirafan *Provision* Bagi *LCC2010 Challenge* oleh Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar & Perubahan Iklim (MESTECC) semasa *International Greentech & Eco Products Exhibition & Conference Malaysia (IGEM2019)* di KLCC pada bulan Oktober 2019.
- VI. Pengiktirafan Gred A oleh *Carbon Disclosure Project (CDP)* pada 1 November 2019. Pengiktirafan di peringkat antarabangsa ini diberikan oleh *Carbon Disclosure Project (CDP)* kepada Majlis



Bandar Raya Seberang Perai (MBSP). Seberang Perai disenaraikan sebagai 10 Bandar Raya terbaik di Rantau Asia Tenggara dan antara 100 bandar raya terbaik di peringkat dunia. Pencapaian pengurangan penghasilan karbon di Seberang Perai diberikan Gred A oleh CDP.

- VII. Mendapat Anugerah Kualiti SIRIM 2019 Kategori Kerajaan di One World Hotel pada 8 November 2019. MBSP telah menerima trofi, sijil dan baucer RM 10,000.00. Anugerah berprestig dari SIRIM ini membuktikan sistem pengurusan MBSP telah mencapai tahap *Best Global Practice*.
- VIII. Mendapat Anugerah Kontinjen Terbaik Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Pulau Pinang 1441H/2019 pada 9 November 2019.
- IX. Naib Johan bagi projek *Safety Top and Resizable Grating* oleh Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) sempena Sambutan Hari Inovasi Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2019 pada 12 November 2019 di Auditorium A, Tingkat 5, KOMTAR.

- X. Anugerah Khas Inovasi Berpotensi bagi Anugerah Inovasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2019 (AIKNPP 2019) untuk Kategori ICT bagi projek *Vehicle iAMS Internal Audit Management System*, sempena Sambutan Hari Inovasi Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2019 pada 12 November 2019 di Auditorium A, Tingkat 5, KOMTAR.
- XI. Naib Johan bagi Anugerah Inovasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2019 (AIKNPP 2019) untuk Kategori Bukan ICT bagi projek *Vehicle Optimization Matrix - Decision Modelling*, sempena Sambutan Hari Inovasi Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2019 pada 12 November 2019 di Auditorium A, Tingkat 5, KOMTAR.
- XII. Johan *Inovation Blast* bagi Kategori Teknikal untuk projek *Pothole Repair & Rangers Via Crowdsourcing CPR*, sempena Sambutan Hari Inovasi Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2019 pada 12 November 2019 di Auditorium A, Tingkat 5, KOMTAR.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas sumbangan tuan-tuan dan puan-puan kepada MBSP. Dengan semangat tahun baru marilah seluruh warga MBSP mempertingkatkan keazaman untuk

membawa MBSP ke mercu kejayaan yang lebih tinggi. Dengan usaha yang lebih gigih dan disiplin yang tinggi serta berpegang kepada nilai-nilai hidup yang murni, kita akan mencapai kejayaan yang lebih cemerlang pada tahun 2020.

## **TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN**

Tahniah sekali lagi kepada pihak urusetia dan jawatankuasa penganjur majlis yang telah menjayakan majlis yang amat bermakna petang ini. Marilah kita bersama-sama melayari Tahun 2020 dengan meningkatkan permuafakatan rakyat bersama Bandar Raya bagi mencapai ***“Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan”*** atau ***“Seberang Perai Aspiring City Of Tomorrow”***.

***Selamat Menyambut Perayaan Hari Krismas kepada semua Ahli Majlis dan kakitangan MBSP yang menganut agama Kristian dan Selamat Menyambut Tahun Baru 2020 buat semua.***

**Sekian,**

**Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum**

**Warahmatullahi Wabarakatuh.**